

Dalam Negeri

Hantar pelajar Mara bergantung Wisma Putra

KUCHING 16 Mac - Proses penghantaran penuntut baru tajaan Yayasan Pelajaran Mara (YPM) ke Jepun yang dijadualkan Sabtu ini, bergantung kepada keputusan Wisma Putra dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, sekiranya Wisma Putra dan MKN memutuskan keadaan di negara tersebut tidak mengiriskan, maka proses penghantaran 84 pelajar berkenaan akan ditangguhkan buat sementara waktu.

Bagaimanapun, menurut beliau, sehingga kini, YPM tidak menerima sebarang maklumat daripada kedua-dua pihak berkenaan sama ada penghantaran penuntut tersebut dibenarkan atau sebaliknya.

"Semuanya bergantung kepada nasihat (keputusan) mereka. Saya sendiri sudah memaklumkan kepada Ketua Pengarah Mara (Ibrahim Ahmad) untuk memantau perkara berkenaan.

"Namun, jika Wisma Putra dan MKN memutuskan keadaan di Jepun tidak selamat untuk penghantaran penuntut pada 19 Mac ini (Sabtu), maka kita akan patah sekat ini, tiada sebarang maklumat lagi, jadi kita tunggu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan pelancaran Tabung Amanah YPM dan Anjung Ilmu di Kolej Teknologi Sarawak dekat sini hari ini.

Hadir sama, Pengerusi YPM, Datuk Dr. Rohi Mat Hassan; Pengerusi



SHAFIE APDAL (lga dari kiri) melihat teknik pembelajaran murid-murid dari sekolah anak yatim Sarawak yang menggunakan sistem E-Blocks sempena Pelancaran Tabung Amanah Yayasan Pelajaran Mara (YPM) di Kuching, semalam.

Besar (Hubungan Strategik) Bank Islam, Datuk Wan Ismail Wan Yusof dan Setiausaha Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak, Norhans Ahmad Rodhuan Abdullah.

Jepun dilanda gempa bumi 8.9 pada skala Richter pada pukul 1.46 petang waktu Malaysia pada 11 Mac lalu sehingga memusnahkan tuguami

selinggi 10 meter.

Lebih membimbangkan, akibat gempa tersebut, banyak loji nuklear di negara itu rosak teruk dan beberapa buah daripadanya melatup serta melepakkan radiasi.

Mengulas lanjut, Mohd. Shafie berkata, di Jepun pula, ketika ini terdapat seramai 207 penuntut tajaan

YPM dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) sedang mengikuti pengajian yang kebanyakannya dalam jurusan kejuruteraan dan elektrikal.

"Merika ini selamat. Kita sudah meminta bantuan Wisma Putra dan kedutaan (Malaysia) di Jepun untuk memastikan mereka ini berada dalam keadaan selamat.

"Jika keadaan semakin buruk, maka langkah sewajarnya akan diambil," ujarnya.

Mengenai pelancaran Anjung Ilmu, Mohd. Shafie berkata, sebagai penutupan, YPM menyediakan untuk membuka 48 pusat berkenaan di seluruh negara dengan peruntukan RM6 juta.

"Hari ini kita lancar di Sarawak. Ini merupakan usaha murni untuk membantu anak-anak yatim khususnya mendapatkan peluang maklumat menerusi akses Internet," jelasnya.

Anjung Ilmu merupakan pusat sumber yang dilengkapi pelbagai jenis teknologi maklumat seperti iPad termasuk komputer riba dan bahan bacaan sambilan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Melalui Anjung Ilmu, YPM akan menyediakan kelas bimbingan, makmal komputer dan mini perpustakaan bagi mendidik dan melahirkan anak-anak yatim yang berjaya.

Beliau seterusnya mengharapkan orang-peseorangan dan syarikat korporat untuk menyumbang dalam Tabung Amanah YPM bagi membiayai pelbagai program seperti pembiayaan pelajar ke luar negara khususnya dalam jurusan kejuruteraan, sains dan teknologi.

Terakhir, pada majlis sama, beliau menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman antara YPM, Bank Islam dan Kolej Teknologi Sarawak dalam usaha memberi nasib pelajar kurang berkemampuan meneruskan pengajian ke peringkat tinggi.